

Prestasi syarikat di kedudukan 55 daripada 60

Kuala Lumpur: Pengendali bas ekspres Alisan Golden Coach berada pada kedudukan ke-55 daripada 60 syarikat dalam Kedudukan Prestasi Bas Antara Bandar 2016 yang dihasilkan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Kedudukan itu adalah hasil kajian pada Februari hingga Mei lalu itu dengan mengambil kira beberapa faktor, antaranya keadaan bas, tabiat pemandu, keadaan persekitaran perjalanan dan data kelajuan bas.

Bagaimanapun, setiap syarikat tidak tahu mengenai kajian itu.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya UPM, Prof Dr Law Teik Hua, berkata berdasarkan kedudukan itu, prestasi pengendali bas yang terbabit nahas di KM137.3 Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) Sabtu lalu adalah agak buruk.

Sehubungan itu, katanya, beliau mencadangkan kerajaan menjadikan sistem kedudukan syarikat bas yang dilaksanakan UPM itu, sebagai sebahagian daripada industri pengangkutan awam supaya keseluruhan data diperoleh boleh didedahkan kepada pengguna.

“Jika ia menjadi sebahagian daripada peraturan, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) perlu memaparkannya kepada umum dan pengguna boleh menggunakan kuasa untuk menghukum pengendali yang gagal menyediakan perkhidmatan berkualiti.”

Syor SPAD, JPJ kongsi data saman

“Penumpang pasti tidak akan pilih bas ekspres yang berada pada kedudukan rendah kerana tidak selamat, sekali gus memaksa setiap pengendali untuk membuat penambahbaikan, khususnya dalam aspek keselamatan,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Teik Hua berkata, kaedah baharu dalam industri pengangkutan awam seperti memperkenalkan sistem kedudukan syarikat bas itu perlu diperkenalkan kerana pelbagai syor dan inisiatif dilaksanakan sebelum ini dilihat gagal menghalang nahas dengan angka korban tinggi, daripada terus berlaku.

Selain itu, beliau juga mencadangkan polis, SPAD dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) meningkatkan amalan perkongsian data saman supaya pemandu atau bas yang memiliki saman tertunggak boleh digantung dengan lebih mudah.

“Pemandu bas ekspres juga perlu diwajibkan menjalani latihan dalam tempoh tertentu bagi meningkatkan kemahiran mereka,” katanya.



Cadang kerajaan jadikan sistem kedudukan syarikat bas

sebagai sebahagian daripada industri pengangkutan awam”

Law Teik Hua,

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya UPM